



KETUA PENGARAH
Unit Pemodenan Tadbiran Dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

MAMPU

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 3163
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my
Email : kp@mampu.gov.my

MAMPU.600-1/8/5 (1)

27 April 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB / YAA / YBhg. / YBrs.

Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. /
Tuan / Puan,

KEPUTUSAN KERAJAAN MENGENAI KLASIFIKASI KAUM DALAM BORANG-BORANG RASMI KERAJAAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pada 27 April 2016 telah memutuskan supaya klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan ditetapkan seperti berikut:

- (i) Melayu
- (ii) Cina
- (iii) India
- (iv) Dayak
- (v) Kaum: (Sila nyatakan)

3. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah memutuskan supaya keputusan ini dilaksanakan secara pentadbiran oleh kementerian /

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO SIJIL: KLR 0500331



PENGIKTIRAFAN ISO/IEC 27001:2005



SIJIL NO. : AR 5253

jabatan / agensi Kerajaan. Pindaan kepada borang-borang Kerajaan akan dilaksanakan setelah Kerajaan membuat keputusan yang muktamad dengan mengambil kira pendirian Kerajaan Negeri Sabah mengenai klasifikasi kaum di Sabah.

4. Sehubungan dengan itu, MAMPU memohon tindakan yang sewajarnya daripada pihak YB / YAA / YBhg. / YBrS. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan, mengenai keputusan Kerajaan ini. Kerjasama dan perhatian YB / YAA / YBhg. / YBrS. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan, berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

MALAYSIA #sehatisejiwa

“BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k.: YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA